

## Mesej Empat

### Hidup Bersama dengan Trinitas Divin

(1)

#### **Hidup Bersama dengan Kristus sebagai Imanuel dan Mempunyai Kristus yang Bangkit Itu Hidup dalam Kita**

Bacaan Bible: Mat. 1:21-23; 18:20; 28:20; 2 Tim. 4:22; Yoh. 14:17

- I. Hidup dalam Trinitas Divin bererti tinggal dalam-Nya, kekal berada dalam-Nya, huni dalam Dia sebagai rumah kita; hidup bersama dengan Trinitas Divin adalah untuk Dia tinggal dalam kita supaya kita dapat mempunyai hadirat-Nya, yakni persona-Nya, bersama dengan kita untuk kenikmatan kita—Yoh. 15:4:**
  - A. Roh yang tinggal, iaitu Roh yang huni secara dalaman, ialah elemen dan lingkungan bagi saling tinggal, saling menghuni secara dalaman, antara kita dengan Tuhan Tritunggal—1 Yoh. 4:13, 16b.
  - B. Kita perlu mempunyai pandangan keseluruhan terhadap seluruh wahi Wasiat Baru—satu perempat daripada Wasiat Baru adalah berkenaan kita hidup dalam Tuhan Tritunggal, manakala tiga perempat daripada Wasiat Baru adalah berkenaan kita hidup bersama dengan Tuhan Tritunggal.
- II. Hidup bersama dengan Trinitas Divin bererti hidup bersama dengan Kristus sebagai Imanuel—“Lihatlah, seorang perawan akan mengandung dan melahirkan anak lelaki, dan orang akan memanggil nama-Nya Imanuel’ (yang diterjemahkan sebagai Tuhan bersama dengan kita)”—Mat. 1:23:**
  - A. Hasrat Tuhan ialah mendispenkan diri-Nya sebagai hayat (Roma 8:2, 6, 10-11) ke dalam kita, manusia tripartit—ke dalam roh, sukma, dan tubuh kita—untuk menjadikan kita anak-anak-Nya (ay. 14-15, 19, 23, 29, 17) demi mengkonstitusikan Tubuh Kristus (12:4-5) supaya kita menjadi Yerusalem Baru, iaitu kota hayat (Wahi 22:1-2).
  - B. Untuk kita mengalami pendispenan Tuhan Tritunggal sebagai hayat ke dalam diri kita, kita perlu menjadi orang yang hidup bersama dengan Kristus sebagai Imanuel; Matius ialah buku tentang Imanuel—Tuhan berinkarnasi untuk bersama dengan kita—1:21-23.
  - C. Hadirat Yesus ialah Imanuel, Tuhan bersama dengan kita:
    1. Dia bersama dengan kita dalam perhimpunan kita—18:20.
    2. Dia bersama dengan kita setiap hari—28:20.
    3. Dia bersama dengan kita dalam roh kita—2 Tim. 4:22:
      - a. Hari ini roh kita ialah tanah Imanuel—Yes. 8:7-8.
      - b. Oleh sebab Tuhan ada bersama dengan kita, musuh langsung tidak dapat mengambil alih tanah Imanuel—ay. 10; bd. 1 Yoh. 5:4; Yoh. 3:6.
  - D. Imanuel praktikal ialah Roh realiti sebagai hadirat Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dalam roh kita; hadirat-Nya sentiasa bersama dengan kita dalam roh kita, bukan hanya hari demi hari, malah saat demi saat—1:14; 14:16-20; 1 Kor. 15:45b; 2 Tim. 4:22:
    1. Kita dapat menikmati hadirat Tuhan Tritunggal dalam perhimpunan untuk mengajar Sabda kudus-Nya—Mat. 18:20; 28:20; Mzm. 119:130; Kis. 6:4.
    2. Kita menikmati kurnia dan damai sejahtera menerusi Roh itu sebagai hadirat Tuhan Tritunggal—Gal. 6:18; Kis. 9:31.
    3. Pimpinan dan kesaksian Roh itu ialah hadirat-Nya—Roma 8:14, 16.
    4. Kita menikmati pendispenan Tuhan Tritunggal menerusi hadirat-Nya sebagai Roh itu—2 Kor. 13:14.

- E. Untuk hidup bersama dengan Kristus sebagai Imanuel, kita perlu berada dalam hadirat divin-Nya, iaitu Roh beri-hayat sebagai konsumsi Tuhan Tritunggal—Gal. 5:25:
1. Untuk hidup bersama dengan Kristus, kita masih hidup, namun bukan melalui diri kita secara bersendirian tetapi melalui Kristus hidup dalam kita dan bersama dengan kita sebagai Imanuel; Tuhan Tritunggal tidak dapat menyempurnakan hasrat-Nya untuk mendispenkan diri-Nya ke dalam kita di luar kita; oleh itu, hadirat-Nya bersama dengan kita semestinya bersifat dalaman—2:20.
  2. Imanuel ialah hayat dan persona kita, dan kita ialah organ-Nya, hidup bersama dengan-Nya sebagai satu persona; kemenangan kita bergantung pada Imanuel, iaitu hadirat Yesus.
  3. Jika kita mempunyai hadirat Tuan, kita mempunyai kearifan, pandangan dalaman, pandangan jauh, dan pengetahuan dalaman berkenaan hal-hal; hadirat Tuan ialah segala-gala bagi kita—2 Kor. 2:10; 4:6-7; Gal. 5:25; Kej. 5:22-24; Ibr. 11:5-6.
- F. Jika kita ingin memasuki, menduduki, dan menikmati Kristus almuhit sebagai realiti tanah permai, kita harus berbuat demikian melalui hadirat Tuan; Tuan berjanji kepada Musa, “Hadirat-Ku akan pergi bersama dengan engkau, dan Aku akan memberi engkau rehat” (Kel. 33:14); hadirat Tuhan ialah jalan-Nya, “peta” yang menunjukkan kepada kita, iaitu umat-Nya, jalan yang harus kita ambil:
1. Untuk kita mendapatkan dan memperoleh Kristus dengan sepenuhnya sebagai tanah yang serba merangkumi demi pembinaan Tuhan, kita harus berpegang pada prinsip bahawa hadirat Tuhan ialah kriteria bagi setiap perkara; tidak kira apa yang kita lakukan, kita harus memberi perhatian kepada sama ada kita mempunyai hadirat Tuhan atau tidak; jika kita mempunyai hadirat Tuhan, kita mempunyai segala-galanya, tetapi jika kita kehilangan hadirat Tuhan, kita hilang segala-galanya—Mat. 1:23; 2 Tim. 4:22; Gal. 6:18; Mzm. 27:4, 8; 51:11; 2 Kor. 2:10.
  2. Hadirat Tuan, senyuman Tuan, ialah prinsip kawalan; kita harus belajar agar kita dipelihara, diperintah, dikawal, dan dibimbing bukan oleh hadirat-Nya yang secara tidak langsung tetapi oleh hadirat Tuan yang secara terus, yang secara langsung.
  3. “Pada zaman muda, saya telah diajar pelbagai cara untuk menjadi jayeng, menang, kudus, dan rohani. Namun demikian, tidak ada satu pun cara ini berkesan. Akhirnya, menerusi pengalaman lebih daripada enam puluh lapan tahun, saya mendapati bahawa tidak ada apa-apa yang berkesan melainkan hadirat Tuan. Hadirat-Nya bersama dengan kita ialah segala-galanya”—*Life-study of Joshua*, m.s. 48.
- G. Seluruh Wasiat Baru ialah Imanuel, dan kini kita sebahagian daripada Imanuel agung ini yang akan berkonsumsi dalam Yerusalem Baru di langit baru dan bumi baru hingga keabadian; Wasiat Baru bermula dengan satu Tuhan-manusia, yang merupakan “Tuhan bersama dengan kita”, dan berakhir dengan satu Tuhan-manusia yang agung, Yerusalem Baru, yang merupakan “Yehova Hadir Di Situ”—Mat. 1:23; 1 Kor. 6:17; Kis. 9:4; 1 Tim. 3:15-16; Wahi 21:3, 22; Yeh. 48:35.

### **III. Hidup bersama dengan Trinitas Divin bererti mempunyai Kristus yang bangkit itu hidup dalam kita—Gal. 2:20b; Flp. 1:19-21a:**

- A. Kebangkitan ialah satu persona kerana Kristus mengatakan bahawa Dialah kebangkitan (Yoh. 11:25); Roh beri-hayat sebagai Roh realiti ialah realiti bagi Kristus yang bangkit dan realiti bagi kudrat kebangkitan Kristus (1 Kor. 15:45b; Yoh. 14:17; 16:13; 1 Yoh. 5:6; Flp. 3:10; Kel. 30:22-25).

- B. Dalam kehidupan Kristian kita berada di bawah pembunuhan kematian Kristus melalui Roh yang huni secara dalaman dan menerusi sekitaran luaran kita; sekitaran luaran bekerjasama dengan Roh dalaman untuk membunuh manusia alamiah kita demi manifestasi Kristus yang bangkit dalam kita—Roma 8:9-10, 13b, 28-29; 2 Kor. 4:7-18:
1. Jika kita cuba melarikan diri daripada sekitaran yang diatur oleh Tuhan untuk kita, kita tidak akan ada keriang dan damai sejahtera; apabila kita tinggal dalam sekitaran yang terhad ini, kita dapat mengalami kebangkitan—Ef. 4:1; 6:20; 2 Kor. 1:8-9, 12.
  2. Untuk mengalami Roh itu sebagai realiti Kristus yang bangkit, kita perlu berpaling kepada roh kita untuk berdoa, memuji, berkidung, atau berbual dengan Tuhan; tajuk Mazmur 18 menunjukkan bahawa itu merupakan perbualan insani Daud dengan Tuhan divin, yang mengimplicasikan keintiman Daud dengan Tuhan; selepas berbual dengan Tuhan dan menghubungi-Nya selama sepuluh minit, kita akan membara-bara dan dipenuhi Roh yang merupakan realiti kebangkitan.
- C. Keinsanan Yesus ialah hayat insani-Nya dalam kebangkitan; kecantikan Tuan yang menawan dan pembelaian-Nya bukan alamiah, tetapi melalui hayat kebangkitan-Nya dalam keinsanan; Dia menjalani kehidupan insani dalam kebangkitan, bukan melalui diri-Nya tetapi melalui sumber yang satu lagi, iaitu Bapa-Nya—Yoh. 5:19, 30; 14:24:
1. Oleh sebab Yesus berhidupkan hayat divin dalam hayat insani-Nya, hayat insani-Nya menjadi mistikal, suatu misteri; sebagai disipal Tuan, kita perlu berhidupkan hayat divin dalam hayat insani kita agar memperbesar Kristus—Roma 13:14; Gal. 2:20; Flp. 1:19-21.
  2. Pengikut Kristus didisipalkan menerusi kehidupan insani Kristus di bumi, iaitu kehidupan yang merupakan model Tuhan-manusia—berhidupkan Tuhan dengan menyangkal diri-Nya dalam keinsanan (Yoh. 5:19, 30); ini merevolusikan konsep mereka tentang manusia (Flp. 3:10; 1:21a).
  3. Kita semua perlu didisipalkan Tuan untuk menjadi orang yang divin dan mistikal; kita harus membelai orang melalui hayat divin dan mistikal dalam kebangkitan; *dalam kebangkitan* bermaksud bahawa tidak ada apa-apa yang alamiah semasa kita menjaga orang.
- D. Tongkat yang bertunas menandakan bahawa Kristus, iaitu Dia yang bangkit, harus menjadi hayat kita, kehidupan kita, dan hayat kebangkitan dalam kita serta menandakan bahawa hayat ini harus bertunas, berbunga, dan menghasilkan buah sampai masak matang—Bil. 17:8:
1. Seperti yang tercatat dalam Bilangan 16, selepas bani Israel memberontak, Tuhan memerintahkan dua belas pemimpin untuk mengambil dua belas tongkat menurut dua belas suku Israel, dan meletakkan tongkat-tongkat itu di dalam Khemah Pertemuan di hadapan Kesaksian (17:4); kemudian Dia bersabda, “Tongkat orang yang Aku pilih itu akan bertunas” (ay. 5).
  2. Dua belas tongkat itu tidak berdaun, tidak berakar, kering, dan mati; manamana satu tongkat yang bertunas, tongkat itulah yang dipilih Tuhan; di sini kita melihat bahawa kebangkitan ialah asas bagi pemilihan Tuhan dan bahawa asas bagi pelayanan merupakan sesuatu yang di luar hayat alamiah kita; oleh itu, tongkat yang bertunas menandakan pengalaman kita terhadap Kristus dalam kebangkitan-Nya agar kita diperkenan Tuhan dan berkuasa dalam ministri yang diberi Tuhan.
  3. Prinsip bagi setiap pelayanan bergantung pada tongkat yang bertunas; Tuhan mengembalikan sebelas tongkat yang lain kepada para pemimpin itu, tetapi menyimpan tongkat Harun di dalam Tabut sebagai peringatan yang abadi; hal ini bermaksud kebangkitan ialah prinsip abadi dalam pelayanan kita kepada Tuhan—ay. 9-10.

4. Setelah tongkat Harun bertunas, dia langsung tidak berhak menjadi sombong; pengalamannya menunjukkan bahawa segala-gala bergantung pada kurnia dan rahmat Tuhan, dan kita tidak dapat melakukan apa-apa dalam diri kita—2 Kor. 12:7-9; Roma 9:15-16, 21, 23; Luk. 1:78-79.
5. Oleh sebab kecukupayakan kita berasal daripada Tuhan, maka kita langsung tidak berhak menjadi sombong; hanya orang jahil yang mengatakan bahawa dia lebih baik daripada orang lain (2 Kor. 3:5; Mat. 26:33; Yoh. 21:15; bd. Mrk. 11:9); kerendahan hati menyelamatkan kita daripada segala jenis kebinasaan dan mengundang kurnia Tuhan (2 Kor. 12:7-9; Yak. 4:6; bd. Roma 12:3; Gal. 5:26; Mat. 18:3-4; 20:20-28; 2 Kor. 4:5).
6. Kebangkitan ialah segala-gala yang bukan berasal daripada hayat alamiah kita, bukan berasal daripada diri kita, dan bukan berdasarkan keupayaan kita; kebangkitan merujuk kepada hal-hal yang tidak dapat kita capai, yang tidak dapat kita lakukan dalam diri kita—1:8-9; 4:7.
7. Kebangkitan bermaksud bahawa segala-gala berasal daripada Tuhan, bukan daripada kita; ini bermaksud bahawa Tuhan sendiri dapat dan kita tidak dapat; kebangkitan bermaksud bahawa segala-gala dilakukan oleh Tuhan, bukan diri kita—1:12; Flp. 3:10-11.
8. Apa-apa yang dapat kita lakukan, itu kepunyaan alam alamiah dan apa-apa yang mustahil bagi kita lakukan, itu kepunyaan alam kebangkitan; seseorang itu perlu sampai ke jalan buntu barulah dia dapat percaya bahawa dia betul-betul tidak berguna—Mat. 19:26; Mrk. 10:27; Luk. 18:27.
9. Kita perlu melihat bahawa menjadi orang Kristian dan pejayeng bukan sahaja sukar, malah mustahil; hanya Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi yang hidup dalam kita sebagai Roh almuhit yang dapat menjadi orang Kristian dan pejayeng; apabila kita mempunyai keperluan, ketakdayaan, atau apabila kita menghadapi situasi yang sukar, kita boleh berbual dengan-Nya berkenaannya; kemudian Dia yang hidup dalam kita itu akan masuk untuk menghadapi situasi itu dan melakukan apa-apa jua yang diperlukan, dan kita secara spontan akan berhidupkan Kristus—Flp. 4:5-7, 12; 1:21a.